



**PERKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 9/1972**

*Mengukur Tanah-tanah Kerajaan Yang Digunakan
Oleh Kerajaan Persekutuan Dan Menyimpan
Rekod-rekod Tanah-tanah Tersebut*

Surat Perkeliling ini dikeluarkan supaya tindakan akan diambil untuk mengukur semua kawasan-kawasan tanah Kerajaan yang digunakan ataupun disimpan (reserved) untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan. Tanah-tanah tersebut ialah salah satu daripada jenis-jenis yang tersebut:

- (a) Tanah-tanah yang dikuasai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Melaka yang digunakan, dikuasai dan diuruskan bagi kegunaan Persekutuan menurut perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan;
- (b) Tanah-tanah Kerajaan yang disimpan (State lands reserved) bagi kegunaan Persekutuan menurut perkara 166(4) Perlembagaan Persekutuan oleh kerana tanah-tanah itu telah digunakan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum Hari Kemerdekaan dan penggunaan itu telah menjadi kegunaan Persekutuan pada Hari Merdeka.

2. Di Negeri-negeri Pulau Pinang dan Melaka kawasan-kawasan tanah yang dikuasai oleh Kerajaan (lands vested in the States) telah digunakan oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Baginda Queen (Her Majesty's Government) atau pihak yang berkuasa am (public authority) sebelum 31hb. Ogos 1957 untuk kegunaan Persekutuan menurut takrif Perlembagaan dan tanah-tanah itu masih

terus digunakan untuk kegunaan yang sama. Menurut Perkara 166(3) Perlembagaan, Kerajaan Persekutuan atau pihak berkuasa am (public authority) bolehlah terus menggunakan, menguasai dan menguruskan tanah-tanah tersebut untuk kegunaan yang sama dengan tidak memerlukan tanah diberi hakmilik atau diisytiharkan sebagai 'rizab' menurut seksyen 62 Kanun Tanah Negara.

3. Di Negeri Malaysia Barat selain daripada Pulau Pinang dan Melaka Kerajaan Persekutuan telah menggunakan kawasan-kawasan tanah Kerajaan yang tidak diisytiharkan sebagai 'rizab' sebelum Hari Merdeka. Menurut Perkara 166(4) Perlembagaan jika tanah-tanah tersebut digunakan untuk kegunaan yang sama pada hari kemerdekaan dan kegunaan itu menjadi kegunaan Persekutuan maka tanah-tanah itu adalah menjadi tanah simpanan Persekutuan seterusnya. Peguam Negara dalam suratnya bertaikh 13.11.1963 yang disalinkan di Lampiran 'A' menasihatkan iaitu pemansuhan (repeal) kepada Perkara 166(4) Perlembagaan oleh Akta 25/1963 tidak membatalkan penyimpanan (reservation) tanah-tanah tersebut. Kerajaan Persekutuan bolehlah terus menggunakan tanah-tanah itu dengan tidak diperlukan pemberian hakmilik atau disiarkan sebagai rizab menurut seksyen 62 Kanun Tanah Negara.

4. Dengan sebab Kerajaan Persekutuan berhak meneruskan penggunaan kawasan-kawasan tanah Kerajaan yang disebutkan di perenggan 1 diatas maka adalah perlu untuk kepentingan tadbiran supaya diadakan satu cara mengenal tanah-tanah itu dan cara yang sesuai sekali untuk maksud ini ialah dengan mengukur tanah-tanah itu dan selepas pengukurannya butir-butir pengukuran bolehlah dicatatkan di dalam daftar tanah-tanah simpanan (register of reserves) yang disimpan di tiap-tiap Pejabat Tanah.

5. Permintaan pengukuran sesuatu kawasan tanah Kerajaan yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan akan dimajukan oleh Pejabat ini. Adalah perlu juga diadakansatu peraturan supaya bayaran ukur dapat dihapuskan dan

permintaan yang demikian akan dihantar bersama-sama dengan permintaan mengukur. Peguam Negara telah menasihatkan iaitu perkataan “public purpose” di perenggan 4(2) National Land Code (Survey Fees) Order, 1965 termasuklah kegunaan Kerajaan Persekutuan. Dengan itu menghapuskan bayaran ukur bagi kes-kes pengukuran tanah yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan bolehlah diteruskan.

6. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta menyiapkan permohonan penukaran (requisition for survey) bagi sesuatu tanah Kerajaan yang disebutkan di perenggan 1 diatas setelah menerima permintaan daripada Pejabat ini. Adalah dinasihatkan iaitu apabila pengukuran telah siap semua butir-butir mengenai tanah itu mahulah dicatatkan di dalam daftar tanah-tanah simpanan (register of reserves) yang diberi tajuk-tajuk seperti yang tersebut dibawah ini;

- (i) Di Negeri Pulau Pinang dan Melaka tanah itu mahulah dijeniskan sebagai “tanah Kerajaan yang digunakan, dikuasai dan diuruskan untuk kegunaan Persekutuan menurut Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan”;
- (ii) Di Negeri-negeri lain tanah-tanah itu mahulah dijeniskan sebagai “tanah-tanah simpanan bagi Kerajaan Persekutuan menurut Perkara 166(4) Perlembagaan Persekutuan”.

Butir-butir tersebut mahulah juga disampaikan ke Pejabat ini.

7. Surat Perkeliling ini tidak akan terpakai kepada tanah-tanah Kerajaan yang digunakan untuk Keretapi Tanah Melayu, jalan-jalan raya Persekutuan dan parit-parit dan taliair oleh kerana ada cadangan mengeluarkan Surat Perkeliling yang berasingan mengenai tanah-tanah tersebut pada masa yang akan datang.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 10/71(20)

Kuala Lumpur,
5hb Mei, 1972

SALINAN

APPENDIX 'A'

Your Ref: PT.T.M 101/59 Bab 25(12) JABATAN PEGUAM NEGARA
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU,
KUALA LUMPUR.

13hb November, 1963

Pemangku Persurujaya Tanah,
Persekutuan Tanah Melayu,
Jalan Gurney,
Kuala Lumpur.

Tuan,

Reservation of land for Federal Purposes

I refer to your letter dated 8th of November, 1963, reference P.T.TM 101/59 Bab 25(12), regarding the above subject matter.

2. In my previous letter, enclosure (100) in this series, I endeavoured to explain the effect of Article 166(4) of the Federal Constitution. My opinion at that time was, and still is it the moment, that Article 166(4) produced an immediate legal effect without the need for a Gazette notification. It would be wrong to hold that this Article imposes a future obligation on the State to reserve the land. Nor is it correct to hold the view that the reservation for Federal purpose depends on the continuing existence of this provision. This provision, however, had only an application in point of time, namely, on the 31st day of August, 1957. Thus, in order to determine whether a particular piece of land is reserved or not reserved for Federal purpose, your task is simply to investigate whether or not this piece of land was before the Merdeka Day used for Federal purpose. If the answer is in

the affirmative, then it is clear that that piece of land was reserved for the Federal purposes and once it is so reserved, it will continue to be so reserved despite the fact that clause (4) of Article 166 is now repealed. The repeal of this Article does not affect its previous operation [see Eleventh Schedule, section 13(6)]. Since the operation of this Article took place only on the 31st of August, 1957, it does not matter whether it was subsequently repealed. The Article has on continuing effect in the sense that the status of reserved land depends on its continuing existence.

Saya yang Menurut Perintah,

(MOHAMED SALLEH BIN ABAS)
b.p. Peguam Negara

s.k.

Setiausaha,
Kementerian Pembangunan Luar Bandar,
Malaysia,
Kuala Lumpur.